

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[TEBRAU]**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan dan jenisnya diterima daripada China pada tahun 2020 dan tahun 2021 sehingga bulan September dan ini merupakan beberapa peratusan keseluruhan pelaburan yang diterima bagi tempoh yang sama.

**JAWAPAN**

1. Dalam memperkukuh prospek pertumbuhan ekonomi dan memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi utama pilihan para pelabur, Kerajaan sentiasa komited dalam meneruskan usaha bagi menggalakkan pelaburan berkualiti, berimpak tinggi dan dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan.
2. Walaupun negara berhadapan dengan cabaran dan risiko dari segi kelembapan ekonomi global dan ketidakseimbangan kewangan yang tidak dijangka ekoran pandemik COVID-19 yang berterusan sejak Mac 2020, negara Malaysia berupaya menarik pelaburan asing berimpak tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi negara bagi meneruskan momentum pertumbuhan ekonomi negara.
3. Dari tempoh 2020 - Jun 2021, sebanyak RM274.9 bilion telah diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi iaitu sektor utama, perkilangan/pembuatan dan perkhidmatan, yang mana RM126.7 bilion (46.1 peratus) adalah pelaburan asing. Sebanyak 153 projek yang diluluskan dengan penyertaan rakyat asing daripada Republik Rakyat

China dalam sektor-sektor perkilangan/pembuatan dan perkhidmatan daripada tahun 2020 - Jun 2021 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM18.4 bilion. Pelaburan ini dijangka akan menjana sejumlah 12,521 peluang pekerjaan baharu.

**Jadual 1:** Jumlah Pelaburan Daripada Republik Rakyat China Daripada Tahun 2020 - Jun 2021 Dalam Pelbagai Sektor Ekonomi Negara\*

<b>Tempoh</b>	<b>Bilangan Projek</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Asing (RM Juta)</b>
2020	116	10,819	18,065.9
Januari - Jun 2021	37	1,702	352.5
<b>Jumlah</b>	<b>153</b>	<b>12,521</b>	<b>18,418.4</b>

\*Nota: Tiada projek yang diluluskan dengan penyertaan rakyat asing daripada Republik Rakyat China dalam sektor utama

<b>2020</b>	<b>Bilangan Projek</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Asing (RM Juta)</b>
Perkilangan/Pembuatan	71	10,376	17,752.4
Perkhidmatan	45	443	313.4
<b>Jumlah</b>	<b>116</b>	<b>10,819</b>	<b>18,065.8</b>

<b>Januari – Jun 2021</b>	<b>Bilangan Projek</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Asing (RM Juta)</b>
Perkilangan/Pembuatan	20	1,246	338.2
Perkhidmatan	17	456	14.3
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>1,702</b>	<b>352.5</b>

4. Daripada **Jadual 1**, diperhatikan bahawa tumpuan pelaburan dengan penyertaan rakyat asing daripada Republik Rakyat China adalah dalam sektor perkilangan/pembuatan iaitu 91 projek dengan jumlah pelaburan RM18.1 bilion, diikuti dengan sektor perkhidmatan sebanyak 62 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM0.3 bilion. Tiga industri utama dalam sektor perkilangan yang menjadi tumpuan para

pelabur dari Republik Rakyat China adalah Produk Logam Asas, Kertas, Percetakan & Penerbitan dan Produk Elektronik dan Elektrikal.

5. **Jadual 2** berikut menunjukkan peratusan pelaburan daripada Republik Rakyat China yang menyumbang 28.14 peratus pada tahun 2020 dan 0.56 peratus pada tempoh Januari - Jun 2021 daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.

Jadual 2: Jumlah Pelaburan Daripada Republik Rakyat China dan Jumlah Pelaburan Asing, Tahun 2020 - Jun 2021 Dalam Pelbagai Sektor Ekonomi Negara

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pelaburan daripada Republik Rakyat China (RM Juta)</b>	<b>Jumlah Pelaburan Asing (RM Juta)</b>	<b>Peratusan Pelaburan Republik Rakyat China daripada Jumlah Pelaburan Asing</b>
1.	2020	18,065.9	64,197.0	28.14 peratus
2.	Januari – Jun 2021	352.5	62,485.7	0.56 peratus
	Jumlah	18,418.4	126,682.7	14.54 peratus

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[TEBRAU]**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil Kerajaan Persekutuan dari Johor dari 2015 hingga 2020 tidak kira di mana tempat atau punca kegiatan ekonomi pembayar cukai dijalankan, dengan butiran terperinci seperti Cukai pendapatan individu, cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan lain-lain, GST/SST, cukai lain-lain dan hasil lain-lain agensi Kerajaan Persekutuan. Dan jumlah peruntukan/sumbangan/perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk Johor, dengan butiran terperinci menurut Jadual Ke- 10 Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya punca hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri adalah terutamanya daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung. Bagi tempoh 2015 hingga 2020, hasil kasar yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Johor berjumlah 70.9 bilion ringgit, iaitu purata tahunan sebanyak 11.8 bilion ringgit. Daripada jumlah tersebut, jumlah kutipan cukai langsung adalah sebanyak 38.3 bilion ringgit manakala cukai tidak langsung berjumlah 32.6 bilion ringgit.

Bagi kutipan cukai langsung untuk tempoh yang sama juga, sumbangan terbesar adalah terutamanya daripada cukai pendapatan syarikat sebanyak 17.7 bilion ringgit, diikuti oleh cukai pendapatan individu berjumlah 16.0 bilion ringgit dan kutipan duti setem sebanyak 3.7 bilion ringgit. Bagi kutipan cukai tidak langsung pula, sumbangan terbesar adalah terutamanya daripada cukai kepenggunaan, iaitu cukai barang dan perkhidmatan serta cukai jualan dan cukai perkhidmatan, sebanyak 28.2 bilion ringgit dan duti import berjumlah 2.5 bilion ringgit.

Jumlah kutipan cukai langsung Kerajaan Persekutuan di negeri Johor tidak menggambarkan keseluruhan sumbangan pendapatan cukai tersebut secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini disebabkan terdapat kemungkinan bahawa cukai tersebut direkod dan dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri di negeri yang berbeza, antaranya berikutan lokasi ibu pejabat yang berbeza negeri.

Di samping itu, jumlah peruntukan atau sumbangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan untuk negeri Johor bagi tempoh 2015 hingga 2020 pula adalah sebanyak 3.8 bilion ringgit, iaitu terdiri daripada geran mengikut bilangan penduduk sebanyak 280.5 juta ringgit dan geran penyenggaraan jalan negeri (MARRIS) sebanyak 3.5 bilion ringgit. Kedua-dua geran tersebut adalah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang termaktub di dalam Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Ini tidak termasuk perbelanjaan lain untuk tujuan pembangunan (DE) dan pentadbiran (OE) yang berjumlah 69.1 bilion ringgit dalam tempoh berkenaan bagi negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON [TEBRAU]**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) sama ada faedah maksimum 12% setahun bagi pinjaman bercagar dan kadar faedah maksimum 18% setahun bagi pinjaman tiada bercagar, di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, merujuk kepada kadar faedah nominal dan kadar faedah efektif; dan
- (b) sekiranya kadar-kadar tersebut adalah kadar faedah nominal, apakah faedah efektif maksimum yang dibenarkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 17A, Akta Pemberi Pinjam Wang (PPW) 1951 [Akta 400] telah memperuntukkan bahawa kadar faedah yang dibenarkan bagi pinjaman bercagar adalah tidak melebihi 12% setahun dan kadar faedah yang dibenarkan bagi pinjaman tidak bercagar adalah tidak melebihi 18% setahun.

Kadar faedah yang ditentukan ini merupakan kadar faedah nominal. Walau bagaimanapun, memandangkan pengkompaunan faedah ini dilaksanakan hanya sekali dalam setahun, maka nilai kadar faedah nominal adalah sama seperti kadar faedah efektif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Akta 400 tidak membenarkan mana-mana perjanjian pinjaman wang, pengenaan pembayaran faedah kompaun atau pertambahan kadar atau jumlah faedah akibat daripada mana-mana keingkaran dalam pembayaran jumlah-jumlah yang kena dibayar di bawah perjanjian memberi pinjam wang tersebut. Selain itu, di bawah Seksyen 17A, Akta 400 telah menetapkan bahawa suatu faedah tidak boleh pada bila-bila masa dikutip oleh pemegang lesen akan suatu jumlah yang melebihi jumlah pokok yang kena dibayar.

Sekiranya pemegang lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) didapati melanggar penetapan faedah yang dibenarkan sepertimana dalam Seksyen 17A, pemegang lesen yang didapati melakukan kesalahan hendaklah dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.